

18/05/2002

Biaya majukan ICT perlu dipelbagaikan: Perdana Menteri

Munaarfah Abu Bakar

BANGI, Jumaat - Pembiayaan bagi pembangunan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara membangun perlu dipelbagaikan, termasuk menerusi penerbitan bon.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pelaburan dalam sektor telekomunikasi bagi jangka masa panjang adalah baik berikutan pulangannya yang tinggi.

"Penggunaan sumber pembiayaan baru juga boleh dikembangkan bagi membangunkan rangkaian prasarana telekomunikasi di kawasan luar bandar dan terpencil," katanya pada jamuan khas sempena sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia di Hotel Equatorial, di sini, malam ini.

Perutusan Perdana Menteri dibacakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut hadir Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid; Timbalan Setiausaha Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), Roberto Blois yang mewakili Setiausaha Agung ITU, Yoshio Utsumi.

Majlis makan malam itu anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi memperingati penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) pada 1865 dan disambut pada 17 Mei.

Dr Mahathir berkata, di kebanyakan negara membangun, mendapatkan pembiayaan bagi mewujudkan rangkaian dan kemudahan telekomunikasi menjadi masalah utama.

"Sudah tiba masanya, kita meneroka sumber pembiayaan baru seperti menggalakkan pemaju hartanah membangunkan sendiri perkhidmatan di kawasan pembangunan mereka.

"Penyediaan itu harus dimasukkan sebagai kos pemasaran yang dapat menggalakkan jualan hartanah mereka," katanya sambil menambah, kemudahan ICT yang lengkap dapat menjana pertumbuhan sosioekonomi sesebuah negara.

Malaysia, kata Dr Mahathir sudah membelanjakan banyak wang bagi tujuan itu dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), sebanyak RM5.159 bilion diperuntukkan untuk program ICT.

Selain itu, katanya, berbilion-bilion ringgit sudah dilaburkan bagi menyediakan rangkaian komunikasi di seluruh negara, termasuk bagi menampung 4.7 juta talian tetap dan 7.6 juta pengguna telefon selular.

Dr Mahathir berkata, pelaburan yang tidak seimbang dalam sektor komunikasi menyebabkan di sesetengah kawasan terdapat lebih kemudahan atau pertindihan infrastruktur manakala di kawasan lain, kemudahan sama tidak dapat disediakan.

Katanya, kejayaan menyediakan kemudahan asas komunikasi seperti telefon perlu dalam mengurang jurang digital di negara ini.

(END)